

R GB 13-12 00193 BC908

Bah

Mahathir - Tanah

ISU PENILAIAN TANAH LANGKAWI: KERAJAAN PUSAT BELUM PUAS HATI

LANGKAWI, 13 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan pusat masih tidak berpuas hati dengan penilaian harga tanah yang terlalu tinggi yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri bagi tanah yang hendak diambil balik untuk pembangunan di Langkawi.

Beliau berkata, sekiranya penilaian harga yang tinggi bertujuan supaya kerajaan negeri dapat mengutip cukai yang banyak, tindakan itu boleh memberikesan kepada kerajaan pusat yang perlu mengeluarkan belanja yang besar untuk mengambil balik tanah.

+Sedangkan hanya sebahagian kecil sahaja akan diambil oleh kerajaan negeri sebagai cukai, +katanya kepada pemberita ketika mengadakan lawatan sehari-bay i meninjau projek-projek pembangunan di sini hari ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu semua pihak, termasuk kerajaan negeri, mematuhi penilaian yang tepat mengenai harga tanah di pulau ini dan bukan +penilaian yang diagak-agak+.

Beliau berharap jawatankuasa penyelarasan mengenai harga tanah yang ditubuhkan kerajaan negeri baru-baru ini, dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah dan dianggotai Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan wakil Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, dapat mengatasi masalah itu.

-- Lagi

▼13/12/18-02MST

R GB 13-12 00148 BC909

Bah

Mahathir - Tanah 2 Langkawi

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan negeri akan membelanjakan RM1 juta untuk membina perparitan bagi mengatasi masalah pembuangan air kotor ke laut oleh chalet-chalet di Pantai Chenang berikutan aduan pelancong mengenai perkara itu.

Sambil mengucapkan tahniah kepada para pengusaha chalet kerana telah mengadakan promosi sehingga ke Eropah, beliau mengingatkan mereka tentang perlunya menjaga kebersihan bagi mengelakkan pelancong hanya datang sekali sahaja ke pulau perangnya itu.

Beliau juga gembira para pengusaha chalet telah mengadakan pakatan untuk mengenakan kadar sewa yang berpatutan.

Perdana Menteri juga gembira kerana kedai-kedai di pulau itu telah meningkatkan mutu barangan dan perkhidmatannya tetapi masih banyak perkara perlu diperbaiki.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan telah mendesak Penerbangan Malaysia (MAS) supaya menambah penerbangan ke sini dan MAS telah mengambil tindakan dengan mengadakan 20 penerbangan sehari ke Langkawi pada masa ini.

-- Lagi

▼13/12/18-05MST

Bah

Mahathir - Tanah 3 (Akhir) Langkawi

. +Ini menjadikan lapangan terbang Langkawi yang ketiga paling sibuk selepas Kuala Lumpur dan Pulau Pinang,+ katanya.

Mengenai pelatih di sekolah latihan penerbangan Mofaz Air disini yang mengadu tidak mendapat pinjaman MARA kerana MARA dikatakan tidak mengeluarkan biasiswa kepada penuntut penerbangan, Dr Mahathir berkata, MARA pernah memberi biasiswa kepada penuntut penerbangan tetapi telah menghentikannya.

+Saya kena tanya MARA kenapa biasiswa ini dihentikan,+ katanya.

Bagaimanapun, katanya, MAS melatih 200 juruterbang setahun dan beliau percaya sebahagian daripada mereka akan dihantar ke sekolah latihan penerbangan Mofaz.

Katanya, MAS akan mula menghantar seramai 16 orang untuk dilatih oleh Mofaz tahun depan

Mengenai Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1993 (LIMA), beliau berkata, bilangan bilik penginapan di jangka mencukupi menjelang pameran itu.

Perdana Menteri yang tiba pagi ini turut melawat sekolah penerbangan Mofaz di lapangan terbang di sini serta tapak pembinaan Balai Pameran L I M A berhampiran lapangan terbang itu, Pantai Chenang, jeti Marin dan Kastam di Rukit Malut dan projek pembinaan kedai di atas kawasan tebusguna laut di Kuah. -- Bernama

▼13/12/18-09MST